

**PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-I: TAWARAN SEHARI “HLB CONNECT DAY 2023 7.7”**

Kemaskini terakhir pada 28 Jun 2023

**TEMPOH KEMPEN**

“Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Tawaran Sehari “HLB Connect Day 2023 7.7”” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada jam 0001 (12:01 a.m.), 07 Julai 2023 dan tamat pada jam 2359 (11:59 p.m.), 07 Julai 2023 (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen (“T&S”).

**KELAYAKAN**

- Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu Bank warganegara Malaysia (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
  - Berumur antara 21 hingga 60 tahun;
  - Pengguna berdaftar HLB Connect Online;
  - Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
  - Mempunyai Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan/Simpanan-i individu (“**CASA/CASA-i**”) yang sah dan aktif dengan Bank; dan
  - Tidak mempunyai Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada.
- Berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
  - Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemufilsan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
  - Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak dengan Bank.

**MEKANIK KEMPEN**

- Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut semasa Tempoh Kempen:
  - Memohon sekurang-kurangnya satu (1) daripada produk Kemudahan PF berikut untuk Amaun Kemudahan PF dengan Tempoh Kemudahan PF yang ditetapkan seperti yang tertakluk di Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1**

Saluran Pemohonan	Kemudahan PF	Amaun Kemudahan PF*		Tempoh Kemudahan PF
		Amaun Minimum	Amaun Maksimum	
HLB Connect Online	Pinjaman Peribadi HLB	RM5,000	RM250,000	2 hingga 5 tahun
	Pembiayaan Peribadi-i HLISB	RM5,000	RM150,000	

\*Untuk mengelakkan sebarang keraguan, amaun Kemudahan PF yang diluluskan tidak semestinya bersamaan dengan amaun Kemudahan PF yang dipohon oleh Pelanggan.

- (b) Menghantar Kemudahan PF melalui saluran *HLB Connect Online* sahaja; dan
  - (c) Memastikan permohonan untuk Kemudahan PF diluluskan dan disalurkan ke dalam akaun mereka sebelum/pada 31 Ogos 2023.
4. Jika atas sebab tertentu, jumlah Kemudahan PF yang diluluskan kurang daripada Amaun Minimum, walaupun Pelanggan memohon Amaun Kemudahan PF yang melebihi Amaun Minimum yang ditunjukkan di Jadual 1 di atas, Pelanggan tidak layak untuk menyertai Kempen ini. Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausa 3 di atas akan dirujuk sebagai **“Pelanggan Layak”**.

#### A. HADIAH EKSKLUSIF

5. Tujuh puluh tujuh (77) Pelanggan yang Layak yang pertama memenuhi semua kriteria seperti yang tertakluk di Jadual 2 di bawah berhak mendapat hadiah eksklusif PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet bernilai Ringgit Malaysia Two Ratus (RM200) (**“Hadiah”**). Bagi mengelakkan keraguan, Kempen ini berdasarkan siapa cepat dia dapat dan/atau tertakluk pada ketersediaan Hadiah.

**Jadual 2**

Amaun Kemudahan PF yang Diluluskan	Tempoh Permohonan Kemudahan PF	Tempoh Penyaluran Kemudahan PF	Peruntukan	Tarikh Pemenuhan Hadiah
RM5,000 – RM250,000 (sehingga RM150,000 untuk Pembiayaan Peribadi-i HLISB)	07 Julai 2023	Sebelum/pada 31 Ogos 2023	77	Sebelum/pada 07 Oktober 2023

6. Pelanggan Layak yang layak menerima Hadiah (**“Pelanggan yang Berkelayakan”**) akan diberitahu melalui SMS atau *E-Direct Mailer* (EDM) dan akan menerima Hadiah sebelum/pada Tarikh Pemenuhan Hadiah yang ditunjukkan di Jadual 2 di atas.
7. Senarai Pelanggan yang Berkelayakan (nama dan NRIC No. terlindung) akan disiarkan di [www.hlb.com.my/pl77](http://www.hlb.com.my/pl77) (**“Laman Sesawang Kempen”**) sebelum/pada Tarikh Pemenuhan Hadiah yang ditunjukkan di Jadual 2 di atas.
8. Pelanggan yang Berkelayakan hanya akan berhak menerima satu (1) Hadiah tanpa mengira bilangan permohonan yang diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Ogos 2023.
9. Sekiranya Hadiah tidak diterima sebelum/pada Tarikh Pemenuhan Hadiah, Pelanggan yang Berkelayakan hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dalam masa satu (1) bulan selepas 07 Oktober 2023. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan yang Berkelayakan akan dianggap telah menerima Hadiah tersebut. Sebarang rayuan yang dibuat oleh Pelanggan yang Berkelayakan selepas itu tidak akan dilayan oleh pihak Bank.
10. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan juga tidak boleh ditukar untuk kredit, cek, wang tunai atau manfaat barangan. Bank berhak menggantikan Hadiah dengan sebarang jenis barangan lain yang sama nilai atas budi bicaranya disebabkan ketiadaan Hadiah atau atas sebab-sebab lain di luar jangkauan dan sebagainya.

## B. KADAR FAEDAH/KEUNTUNGAN PROMOSI

11. Selain Hadiah di atas, Permohonan Kemudahan PF Pelanggan Layak yang telah diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Ogos 2023 akan layak menikmati kadar faedah/keuntungan rata seperti yang tertera di Jadual 3 di bawah:

**Jadual 3**

Saluran Pemohonan	Jenis Produk	Pendapatan Bulanan yang disahkan	Kemudahan PF	Kadar Faedah/Keuntungan Rata
HLB Connect Online	Kemudahan PF	RM2,000 – RM7,999	RM5,000 – RM250,000 (sehingga RM150,000 untuk Pembiayaan Peribadi-i HLISB)	6.00% setahun
		RM8,000 dan ke atas		5.00% setahun

Nota: Kadar faedah/keuntungan rata efektif berbeza seperti berikut bergantung kepada tempoh pinjaman dari 2 – 5 tahun kecuali dinyatakan sebaliknya:

- (i) Kadar faedah/keuntungan rata 5.00% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif rata berkisar dari 9.15% setahun hingga 9.32% setahun.
- (ii) Kadar faedah/keuntungan rata 6.00% setahun – Kadar faedah/keuntungan efektif rata berkisar dari 10.85% setahun hingga 11.13% setahun.

12. Pelanggan Layak akan dimaklumkan oleh Bank melalui e-mel (berdasarkan alamat e-mel terkini yang diberikan oleh Pelanggan Layak seperti yang didaftar dalam sistem Bank) tentang kelayakan untuk menikmati Kadar Faedah/Keuntungan Rata apabila permohonan mereka telah diluluskan.

13. Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Layak (dengan pendapatan bulanan yang disahkan daripada RM2,000 hingga RM7,999) untuk amaun Kemudahan PF yang diluluskan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) untuk tempoh lima (5) tahun adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 4 di bawah:

**Jadual 4**

Amaun Kemudahan PF*	Tempoh Kemudahan PF (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan Rata (setahun) atas Amaun Kemudahan PF	Jumlah Faedah/Keuntungan Rata Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan PF	Ansuran Bulanan**
(a)	(b)	(c)	(d) = a x b x c	(e) = (a+d) / (b x 12)
RM5,000	5	6.00% setahun	RM1,500	RM110

\*0.50% daripada Amaun Kemudahan PF Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan PF semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan PF tersebut.

\*\*Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit Malaysia Lima (RM5) terdekat.

## UMUM

14. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan/Pelanggan Layak dengan ini:

- (i) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB, mengikut mana yang berkenaan;
  - (ii) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi Bank yang boleh didapati di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my);
  - (iii) bersetuju untuk selalu melayari Laman Sesawang Kempen untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
  - (iv) bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan PF dapat diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Ogos 2023. Sekiranya Pelanggan Layak tidak membekalkan semua dokumen berkaitan tepat pada waktunya, Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan PF tidak dapat disalurkan sebelum/pada 31 Ogos 2023;
  - (v) bersetuju bahawa sebarang keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan PF dan/atau amaun Kemudahan PF diluluskan) adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan Bank; dan
  - (vi) bersetuju akan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
15. Bank berhak untuk:
- (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan PF yang tidak layak;
  - (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini dan
  - (iii) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.
16. T&S yang terkandung di sini, Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
17. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Kempen akan diguna pakai.
18. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
19. Perkataan yang menunjukkan satu jantina merangkumi semua jantina dan perkataan yang menunjukkan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan terma dan syarat, sila hubungi Bank melalui e-mel di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau telefon di 03-7626 8899.